

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta PERDANA MENTERI menyatakan sebab Pengurus Doxport Technologies Sdn Bhd., Dato' Azim Zabidi tidak dibawa ke mahkamah walaupun beliau terbukti menerima sebanyak lebih kurang RM1 juta daripada sekumpulan 60 pelabur United Kingdom. Bukankah kegagalan ini akan menjejas nama baik Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang diyakini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes Pengerusi Doxport Technologies Sdn. Bhd. iaitu Dato' Azim bin Zabidi masih dalam siasatan pihak polis.
2. Pada masa ini, Jabatan Peguam Negara telah mengambil tindakan pendakwaan terhadap Pengarah Urusan Doxport Technologies Sdn. Bhd. iaitu Sivalingam a/l Thechinamoorthy. Beliau telah dituduh di bawah seksyen 409 iaitu kesalahan pecah amanah jenayah berjumlah RM5,020,488 dan seksyen 471 Kanun Keseksaan dan jika disabitkan boleh dihukum di bawah seksyen 465 Kanun yang sama.
3. Perbicaraan kes ini sedang berjalan di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN TONY PUA KIAM WEE
DARIPADA [PETALING JAYA UTARA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kedudukan Transformasi Kementerian mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 di mana kakitangan dan kuasa di peringkat Kementerian akan dikurangkan secara drastik, manakala pegawai dan kuasa PPD akan ditambah untuk mengukuhkan sistem penyampaian pendidikan di peringkat daerah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Transformasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan struktur, fungsi dan tenaga kerja kini ditahap akhir dan dijangka akan dibentangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Perstrukturran ini melibatkan Sektor Pelajaran (SP), Sektor Pengajian Tinggi (SPT), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Pada asasnya, sasaran perlaksanaan Tranformasi Kementerian akan dilaksanakan pada gelombang kedua bermula mulai tahun 2016. Namun pada ketika ini, JPN dan juga PPD telahpun diperkasakan dari segi:

1. Penurunan kuasa kelulusan perolehan sehingga RM5 juta kepada

setiap JPN.

2. Pemberian mandat untuk melaksanakan peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) kepada PPD melalui sokongan yang diberikan oleh Pembimbing Pengetua/Guru Besar(*SIP Partners*) dan Pembibing Guru(*SIC+*) secara sepenuh masa, melalui inisiatif Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme*),